



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj Kami : ANM.JB (A) 70/14 JLD 4 (07)
Tarikh : 5 Oktober 2022

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

PERINGATAN PENYELESAIAN PEMBAYARAN NOTA TERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GOODS/SERVICISS RECEIVES NOTES (GRN) / FULLFILLMENT RECEIPT NOTES (FRN)) KOD AKAUN L1312959 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018, Tatacara Pengurusan Bayaran adalah berkaitan.

2. Seperti mana pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk melaksanakan pemantauan ke atas pengurusan pembayaran supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan iaitu merangkumi semakan ke atas Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN). Sekiranya terdapat kesilapan pada GRN/FRN, item tersebut hendaklah dikuiiri dan jika memerlukan pembatalan ia perlu dilakukan dengan kadar segera. Bagi pemantauan dan semakan status terkini pesanan kerajaan, **Laporan Terperinci Pesanan Kerajaan (Bekalan dan Perkhidmatan)** boleh dijana melalui Modul Perolehan di dalam sistem iGFMAS.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dilampirkan Senarai Nota Terimaan Bekalan Dan Perkhidmatan (Goods/Services Receives Notes (GRN) / Fullfillment Receipt Notes (FRN)) Sehingga 31 Julai 2022 untuk semakan pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan dan mohon dilengkapkan status pembayaran selewat-lewatnya pada **18 Oktober 2022 (Selasa)** di pautan <https://docs.google.com/spreadsheets/d/1duAiCIDn813KbkGYtPp7ILmIqF-6pv94nHuBOEYIVxQ/edit?usp=sharing>. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Akaun Puan Khairus Salwa Binti Mohd Samsury di talian 07-2249244 samb.1061 atau e-mel kepada akaun_jhr@anm.gov.my

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A(M))
Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor